

JABATAN KORPORAT

TARIKH:05.01.2024 MASA:02.45pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PUSAT KITAR SEMULA  
TAMAN SEPADU

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**06 JANUARI 2024 (SABTU)**  
**8.00 PAGI**

**SURAU TAMAN SEPADU**  
**TASEK GELUGOR**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam dan rahmat sehingga dapat kita berkumpul pada hari ini serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.
2. Saya ingin merakamkan rasa syukur atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke **Majlis Pelancaran Pusat Kitar Semula Taman Sepadu** pagi ini di Surau Al-Mukhsinin, Taman Sepadu, Tasek Gelugor. Sokongan hadirin sekalian terhadap usaha dan inisiatif para penduduk Taman Sepadu bagi melestarikan alam sekitar amat kami hargai. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Khalid bin Ahmad selaku Pengerusi Surau Al-Mukhsinin dan Pihak Pengurusan Surau Al-Mukhsinin Taman Sepadu yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan Pusat Kitar Semula di Taman Sepadu.
3. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian

manusia semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semulajadi yang terdapat di sekeliling kita.

4. Plastik, kertas, tin aluminium, kotak, sisa elektrik / barangan elektrik kecil dan pelbagai lagi sampah yang biasanya dibuang begitu sahaja ke pusat pelupusan sampah sebenarnya boleh dikitar semula untuk dijadikan bahan atau barangan baru. Aktiviti kitar semula memberi banyak kebaikan seperti dapat mengurangkan jumlah sampah, menjimatkan kos pelupusan oleh MBSP, dapat mengelakkan berlaku kejadian sampah longgok dan haram, serta mendidik masyarakat dalam penjagaan alam sekitar.
  
5. MPSP telah memperkenalkan **Smart Consumption Model 8R** iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, ReGift, Recover and Recycle*, yang bertujuan untuk mengurangkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula. Pelbagai program-program dilaksanakan untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

6. Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula maka kos pengurusan sisa pepejal dapat dikurangkan sekaligus MBSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit. Hasil daripada penjimatan ini, MBSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.
  
7. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Salah satu kaedah adalah dengan mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 38 pusat kitar semula (termasuk Pusat Kitar Semula Taman Sepadu) di Seberang Perai iaitu sepuluh (10) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Utara, 20 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah, dan lapan (8) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.
  
8. Penubuhan Pusat Kitar Semula di Taman Sepadu adalah satu usaha bagi menggalakkan penduduk setempat menjalankan aktiviti pengasingan sisa di punca. MBSP juga mengambil inisiatif dengan memberikan sebuah sangkar kitar semula dan kotak *e-waste* bagi pengumpulan sisa kitar semula dan juga lampu kalimantang.

9. Sempena Majlis Pelancaran Pusat Kitar Semula Taman Sepadu pada hari ini, MBSP dengan kerjasama Pihak Pengurusan Surau Al-Muhsinin Taman Sepadu menganjurkan Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak dan Pertandingan Barangan Kitar Semula Terberat. Selain itu, MBSP juga mengadakan Bengkel Kraf *Upcycle* kepada penduduk Taman Sepadu.
  
10. MBSP berharap Pihak Pengurusan Pusat Kitar Semula Taman Sepadu akan terus memanfaatkan Pusat Kitar Semula ini dan mengambil langkah proaktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengasingan sisa di punca bersama komuniti setempat.
  
11. Diharap dengan adanya Pusat Kitar Semula Taman Sepadu ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat penduduk setempat untuk menjadikan kitar semula sebagai satu budaya. Penglibatan komuniti setempat bersama wakil masyarakat adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu menjadikan ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.***

12. Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan tagline MBSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.
  
13. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembeleng tenaga untuk menjayakan Program Kitar Semula di Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.
  
14. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya merasmikan **Pelancaran Pusat Kitar Semula Taman Sepadu**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***